

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 MARCH 2017

# PM hargai rakyat teguh pertahanan negara

BH - 19/3/2017

➔ Bersatu padu pertahanan maruah Malaysia ketika ancaman dari luar

## Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak menghargai semua rakyat yang sedia menjadi patriot sejati apabila berdiri teguh mempertahankan negara tercinta ketika Malaysia berdepan ancaman.

Perdana Menteri berkata, patriot tidak semestinya perlu memegang senjata dan bertempur di medan perang kerana semua rakyat di negara ini adalah pembela negara.

Katanya, contoh terbaik dalam menunjukkan perasaan kasih sayang dan patriotik terhadap negara adalah apabila rakyat bersatu padu mem-

pertahankan imej negara ketika ketegangan hubungan diplomatik Malaysia-Korea Utara.

“Patriot sejati tidak semestinya perlu mengangkat senjata atau berjuang di medan perang. Penjawat awam juga adalah patriot bila mereka bekerja dengan bersungguh-sungguh dan memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

## Malaysia negara berjaya

“Guru juga adalah patriot kerana mendidik anak murid dengan penuh kasih sayang dan dedikasi. Jika sebagai ibu, mereka juga adalah patriot apabila mendidik anak dengan penuh kesempurnaan.



Semua rakyat Malaysia adalah patriot bila kita berdiri teguh pertahanan maruah negara dari ancaman luar”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

“Semua rakyat Malaysia adalah patriot bila kita berdiri teguh pertahankan maruah negara dari ancaman luar,” katanya ketika melancarkan Ekspresi Negaraku, iaitu platform pertama memacu inisiatif ‘Negaraku, yang bertunjangkan semangat cintakan Malaysia di Dataran Putrajaya, Presint 3, di sini semalam.

Katanya hadirin yang berkumpul dalam program Ekspresi Negaraku itu juga adalah untuk menyatakan bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara yang gagal, tetapi negara berjaya dan akan lebih berjaya jika rakyat boleh memperkukuhkan semangat cintakan negara.